



## TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : MINAT PELAJAR TERHADAP TVET MENINGKAT, PERMOHONAN KE KOLEJ VOKASIONAL CECAH 58,263

SUMBER : BERNAMA - 18 APRIL 2026

### Minat Pelajar Terhadap TVET Meningkat, Permohonan Ke Kolej Vokasional Cecah 58,263

18/04/2026 05:45 PM



KUCHING, 18 April (Bernama) -- Permohonan kemasukan ke kolej vokasional meningkat dengan ketara kepada 58,263 tahun ini berbanding 28,098 pada 2022 sekali gus menyaksikan peningkatan minat pelajar terhadap laluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai pilihan kerjaya masa depan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berkata perkembangan itu mencerminkan perubahan persepsi masyarakat terhadap pendidikan berasaskan kemahiran yang kini semakin mendapat tempat dalam sistem pendidikan negara.

"Ini menunjukkan keputusan memilih TVET hari ini bukan lagi satu alternatif tetapi langkah bijak untuk menjadi profesional yang diperlukan oleh dunia industri.

"Ini selaras dengan aspirasi Dasar TVET Negara 2030 yang menjadikan TVET pilihan utama kerjaya. Masyarakat mula sedar bahawa TVET kini menjadi nadi utama tenaga kerja," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Konvokesyen Kolej Vokasional Kementerian Pendidikan ke-10 bagi Zon Sarawak di Hikmah Exchange Event Centre di sini hari ini.

Beliau berkata kapasiti pengambilan ke kolej vokasional bagi tahun ini ialah 17,912 pelajar, jauh lebih rendah berbanding jumlah permohonan yang diterima.

Fadillah juga berkata sejak pelaksanaan konvokesyen kolej vokasional pada 2016, seramai 103,902 graduan dilahirkan sekali gus melepasi sasaran 90,000 yang ditetapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.



## **TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

### **Perkara : TVET**

**TAJUK ARTIKEL : MINAT PELAJAR TERHADAP TVET MENINGKAT, PERMOHONAN KE KOLEJ VOKASIONAL CECAH 58,263**

**SUMBER : BERNAMA - 18 APRIL 2026**

Beliau berkata graduan TVET mempunyai peranan penting dalam memenuhi keperluan tenaga kerja masa depan khususnya dalam bidang teknologi baharu termasuk kecerdasan buatan (AI), tenaga boleh diperbaharui dan ekonomi hijau.

"Dalam era Revolusi Industri 5.0 yang menekankan kolaborasi antara manusia dan teknologi, kebolehsuaian adalah kunci kelangsungan dalam mendepani cabaran industri masa kini.

"Kemahiran yang anda peroleh di kolej vokasional sentiasa ditambah baik agar selari dengan piawaian industri global... namun, ilmu ini perlu sentiasa segar," katanya.

Pada majlis itu, seramai 874 graduan daripada enam kolej vokasional di seluruh Sarawak yang mengikuti 15 program diploma diraikan selepas menamatkan pengajian masing-masing.

-- BERNAMA

---

*BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; [www.bernama.com](http://www.bernama.com); BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).*